

Demi keselamatan, memelihara kepentingan negara

UPM terajui Big Data

■ FUKUOKA 22 DIS.

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menerajui pembangunan projek Big Data khususnya berkaitan industri kelapa sawit sebagai keutamaannya demi menjaga keselamatan dan memelihara kepentingan negara daripada ancaman asing.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, jika Big Data itu jatuh kepada pihak ketiga, mereka boleh menjadikannya senjata dengan membuat spekulasi atau memanipulasikannya bagi menjejaskan kestabilan ekonomi negara kita.

"Data yang kita ada ketika ini, misalnya bagi industri kelapa sawit sudah ada tetapi terpisah, tidak diintegrasikan dalam satu rangkaian data yang sistematik di satu lokasi.

"UPM akan menghimpunkan segala maklumat berkenaan menjadikannya Big Data kerana perkara ini amat penting terutama apabila dalam keadaan krisis ekonomi, kelapa sawit sebagai komoditi kedua terpenting negara kita selepas min-



**AZMY
MOHAMED**

Melaporkan dari FUKUOKA, JEPUN



yak dan gas, menjadi penyelamat dalam kadaran tukaran wang asing," katanya.

Beliau ditemui pemberita di sini hari ini selepas mengadakan perbincangan dengan wakil industri Jepun sempena Simposium Antarabangsa Sains dan Kejuruteraan Gunaan 2014 di Kyutech, semalam.

Big Data merupakan himpunan maklumat daripada pelbagai sumber seperti agensi kerajaan, pemain industri dan data tidak berstruktur yang diperolehi melalui rangkaian atau aplikasi media sosial yang



MOHD. FAUZI RAMLAN

membincangkan sesuatu isu atau topik yang berkaitan.

Inisiatif Big Data UPM tentang industri kelapa sawit itu merupakan tambahan kepada empat aplikasi perdana Dalam Agenda Pendigitalan Kerajaan iaitu Pemantauan Harga, Analisis Sentimen, Pencegahan Jenayah dan Ramalan Penyakit

Berjangkit.

Bagi merealisasikan projek tersebut, kata Mohd Fauzi, UPM menjalin kerjasama dengan Kyutech dan syarikat Jepun kerana mereka memiliki kepakaran, idea inovatif, teknologi dan dana yang boleh dimanfaatkan bagi membangunkan projek Big Data lain yang melibatkan bekalan makanan negara dan perikanan.

"Malah, 30 syarikat Jepun telah menyatakan minat mereka dan bersedia memberikan latihan industri selama empat bulan secara percuma kepada pelajar UPM sebagai sebahagian daripada usaha merealisasikan pembangunan Big Data ini," katanya.

Beliau memberitahu, UPM berhasrat mewujudkan satu kajian yang terkehadapan dalam Big Data kelapa sawit itu yang mendahului negara-negara ASEAN.

"Analisis Big Data boleh membantu dari segi kajian harga pasaran, peluang pekerjaan, industri hiliran dan huluan, direktori pakar, ramalan penyakit bawaan serangga dan sentimen analisis," tambahnya. - UTUSAN